



AL-HUDA

الهدى

NASKAH PERCUMA

KELUARAN 11. BIL. 1/2018



PEMBINAAN MASJID DARI DANA LOTERI


Fokus

PEMELIHARAAN ANJING
OLEH ORANG ISLAM



Falak

ISTIMEWA GERHANA
BULAN PENUH



Tokoh

TUAN GURU HAJI
ABDULLAH FAHIM

Sidang Redaksi



PENAUNG

Dato' Seri Dr. Wan Salim Bin Wan Mohd Noor
(Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang)

PENASIHAT

Haji Aminudin Bin Mohamad
(Timbalan Mufti Negeri Pulau Pinang)

KETUA EDITOR

Fakhrurrazi Bin Md. Mahdzir

PENOLONG EDITOR

Fairus Ain Binti Abdul Aziz

SIDANG PENOLONG EDITOR

Azwati Binti Zainol Abidin
Norfazilah Binti Mohd Lidi
Mohd Ferdaus Bin Hashim

FOTOGRAFI

Siti Asmah Bt. Abdul Manap

Isi Kandungan

Bicara mufti	3
Fokus	4
Warta Kerajaan	6
Fatwa Pilihan	7
Al-Quran/Falak	8
Ruangan Tokoh	10
Lensa Al-Huda	11
Aktiviti Jabatan	12
Kemusykilan Agama	17
Pentadbiran/Kelab Kebajikan & Sukan JMNPP	18

Pena Editor



Cabaran terhadap umat Islam semakin hari sangat membimbangkan. Pelbagai kaedah dan pendekatan digunakan oleh musuh Islam untuk menjauhkan umat Islam dari terus beramal dengan ajaran Islam yang sebenar. Kemahiran memanipulasikan kemudahan ICT menjadikan gerakan untuk meruntuhkan akidah umat Islam semakin lancar pergerakannya.

Penyebaran berita atau cerita palsu yang diolah dengan menarik dan penuh sensasi menjadikan umat Islam yang kendur imannya mudah terpengaruh. Ditambah pula dengan istilah-istilah yang diwujudkan untuk menarik perhatian umat Islam kononnya ia merupakan sebahagian dari ajaran Islam, telah menjadikan ajaran Islam mula terpesong.

Jika tidak dihalang penyebaran ini akan menyebabkan masyarakat berhujah berdasarkan kepada dalil-dalil yang palsu lagi menyesatkan.

Sebab itulah dalam al-Quran Allah SWT telah berfirman dalam surah al-Hujurat ayat 6 yang bermaksud:

“Wahai orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang yang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan kebenarannya), supaya kamu tidak menimpakan suatu musibah kepada kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan”.

Oleh itu, kita hari ini hendaklah mempersiapkan diri dengan ilmu yang sewajarnya agar tidak terpengaruh dengan gerakan menghancurkan Islam ini. Perkara-perkara yang berkaitan dengan hukum syarak hendaklah berdasarkan kepada dalil yang sahih serta mengikut kaedah hukum yang disepakati ulama. Jika tidak diselidiki dengan betul, jawapan yang diperolehi mungkin boleh membawa kepada kesesatan.

Al-Huda pada terbitan kali ini memberikan penjelasan mengenai hukum pemeliharaan anjing, dan pembinaan masjid dari sumber yang tidak patuh Syariah. Selain itu, al-huda turut berkongsi maklumat dengan pembaca berkaitan peristiwa gerhana bulan yang telah berlaku pada 31 Januari 2018 lalu serta beberapa aktiviti JMNPP yang telah berlangsung. Semoga melalui perkongsian pada terbitan kali ini dapat memberikan manfaat dan pengetahuan kepada para pembaca.

Fokus

Halaman 4 “Hukum Membina Masjid Daripada Sumber Yang Haram”

Halaman 6 “Fatwa Ajaran Tok Mat Janggut”

Halaman 7 “Hukum Memelihara Anjing Sebagai Haiwan Kesayangan (pet) Di Rumah”

Alhamdulillah, setinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT yang mengurniakan kepada kita dengan pelbagai nikmat dan rezeki. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, kaum keluarga, para sahabat, dan pengikut baginda sehingga ke hari kiamat.

Negara kita baru sahaja melepasi fasa pemilihan pemimpin melalui Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-14. Sudah pasti ada pihak yang diangkat sebagai pemimpin melalui proses pilihan raya yang diadakan. Pemilihan telahpun berlalu, dan kini menjadi tanggungjawab kepada mereka yang dipilih untuk melaksanakan kerja-kerja yang diamanahkan sebagai pemimpin bagi mentadbir dan mengurus masyarakat serta negara mencapai kesejahteraan dan keamanan.

Menyentuh mengenai kepimpinan, seorang pemimpin hendaklah melaksanakan tanggungjawab yang diberikan kepadanya dengan adil dan saksama supaya tidak menimbulkan konflik kepada pihak yang dipimpin. Merujuk kepada firman Allah SWT dalam al-Quran yang bermaksud:

“Wahai Daud, sesungguhnya Kami telah menjadikanmu khalifah di muka bumi, maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan (hukum syariat) yang benar (yang diwahyukan kepadamu); dan janganlah engkau menurut hawa nafsu, kerana yang demikian itu akan menyesatkanmu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah, akan beroleh azab yang berat pada hari hitungan amal, disebabkan mereka melupakan (jalan Allah) itu”. (Surah Sad: 26)

Kepimpinan dalam Islam merupakan amanah yang mesti dilaksanakan untuk memastikan kesinambungan risalah yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Ia bukan sesuatu yang boleh dilaksanakan dengan mudah atau sambil lewa. Perkara ini pernah ditegaskan oleh Rasulullah SAW ketika Abu Zar al-Ghaffari meminta jawatan, maka baginda SAW menjawab: *“ Wahai Abu Zar.. sesungguhnya ini amanah, engkau amat lemah, apabila engkau tidak menunaikan haknya ia akan memberikan penghinaan kepadamu di akhirat nanti..”* (maksud Hadis).

Kepimpinan ini amat besar tugasnya dan mereka yang benar-benar berkelayakan dan berkeupayaan sahaja dapat memikul tanggungjawab ini. Seorang yang tinggi ilmunya belum tentu dapat menjadi seorang pemimpin yang adil dan bertanggungjawab.

Islam secara umumnya sangat memberikan penekanan berkaitan persoalan kepimpinan kerana tanpa adanya elemen kepimpinan, urusan pentadbiran agama dan bangsa tidak dapat dijalankan dengan sempurna. Kepentingan melantik pemimpin jelas sebagai

seorang pemimpin yang adil dan bertanggungjawab. satu tuntutan seperti mana dinyatakan dalam hadis apabila Rasulullah SAW mengesyorkan agar dilantik seorang pemimpin ketika bermusafir walaupun dalam kumpulan yang kecil.

Kepimpinan itu merangkumi semua peringkat sama ada dalam keluarga, masyarakat dan negara. Ini sebagaimana yang disebut oleh Rasulullah SAW bahawa semua individu Muslim itu dianggap sebagai khalifah atau pemimpin dan dipertanggungjawabkan terhadap mereka yang berada di bawah kepimpinannya sama ada mereka sebagai ketua negara, isteri, anak ataupun hamba (*Hadis Riwayat al-Bukhari: 2368*).

Pemimpin yang berkesan adalah pemimpin yang bersifat terbuka dalam menerima pandangan, sentiasa mendapatkan maklumat yang benar dan tepat bagi melaksanakan sesuatu tindakan, dan dapat menjaga hubungan silaturahim yang baik dengan yang dipimpinnya. Menjadi seorang pemimpin juga memerlukan keberanian. Berani untuk menghadapi segala risiko yang bakal dihadapi serta berani untuk membela masyarakat, agama dan negara.

Ketaatan kepada pemimpin boleh diberikan selagi pemimpin tersebut tidak menyuruh melakukan perkara maksiat dan menyelewang dari landasan tanggungjawab yang diberikan. Hala tuju rakyat lazimnya bergantung kepada corak pemimpinnya. Jika pemimpin seorang yang suka kepada keduniaan, rakyat akan terikut-ikut dengan keduniaan tersebut. Begitu juga jika pemimpin seorang yang sufi, rakyat juga akan turut cenderung kepada kesufian. Sebagai rakyat, berhak untuk saling menasihati pemimpin agar tidak terpesong dari tanggungjawab yang diamanahkan. Pemimpin adalah manusia biasa, dan tidak lari daripada melakukan kesilapan.

Semoga para pemimpin yang dipilih dapat melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan baik kerana setiap kepimpinan itu bertanggungjawab terhadap mereka yang dipimpinnya. Kepimpinan hanyalah kuasa yang dimandatkan kepada seseorang untuk mengendalikan urusan manusia untuk mencapai dan menjaga maslahat umum, menghalang daripada berlakunya kemudaratan serta menghindari kezaliman. Menjadi pemimpin bukan merupakan suatu prestij dan bukan untuk bermegah-megah. Nabi Muhammad SAW sendiri ketika memimpin negara Madinah, baginda tidak pernah bermegah dengan jawatannya, bahkan sentiasa berasa rendah diri dengan apa yang dimilikinya.



HUKUM PEMBINAAN MASJID DARI DANA LOTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT DAN SOLAT DI DALAMNYA

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 6/2017 yang bersidang pada 29 & 30 Rabiulawal 1439H bersamaan 18 & 19 Disember 2017M telah membincangkan "Hukum Membina Masjid Daripada Sumber Yang Haram Seperti Dana Loteri Kebajikan Masyarakat Dan Hukum Solat Di Dalamnya." Setelah meneliti keterangan serta hujah dan dalil yang dinyatakan di atas, maka mesyuarat memutuskan bahawa, hukum membina masjid daripada sumber yang haram seperti dana loteri kebajikan masyarakat adalah haram. Manakala solat di masjid tersebut adalah sah dan memperolehi pahala.

Harta yang haram kerana mengambil harta orang lain (seperti hasil mencuri, menipu dan menzalimi orang lain) maka harta seperti ini tidak boleh digunakan sama sekali sekalipun untuk tujuan kebaikan tetapi wajib dikembalikan kepada pemiliknya atau dikembalikan kepada ahli warisnya jika pemilik harta telah meninggal dunia.

Setelah dicari ternyata pemilik harta tidak diketahui dan ahli warisnya juga tidak diketahui maka hukumnya boleh menggunakan harta tersebut untuk jalan-jalan kebaikan dan kebajikan. Bukan dalam rangka mencari pahala (bersedekah), tetapi dalam rangka membersihkan diri daripada menyimpan harta haram dan pahalanya diniatkan untuk pemilik asal harta tersebut.

Adapun jika harta haram tersebut diperolehi bukan dengan mengambil hak orang lain, tapi kerana hasil yang haram seperti harta yang diperolehi kerana bermain muzik atau kerana berzina atau seumpama dengannya, maka ia boleh disalurkan sebagaimana di atas.

Berkata Imam An-Nawawi R.H:

قَالَ الْعَزَائِيُّ إِذَا كَانَ مَعَهُ مَالٌ حَرَامٌ وَأَزَادَ التَّوْبَةَ وَالْبِرَاءَةَ مِنْهُ فَإِنْ كَانَ لَهُ مَالٌ مُعَيَّنٌ وَجَبَ صَرْفُهُ إِلَيْهِ أَوْ إِلَى وَكَيْلِهِ فَإِنْ كَانَ مَيِّتًا وَجَبَ دَفْعُهُ إِلَى وَارِثِهِ وَإِنْ كَانَ لِمَالِكٍ لَا يَعْرِفُهُ وَيَتَسَّسُ مِنْ مَعْرِفَتِهِ فَيُنْبَغِي أَنْ يَصْرِفَهُ فِي مَصَالِحِ الْمُسْلِمِينَ الْعَامَّةِ كَالْقَنَاطِرِ وَالرُّبُطِ وَالْمَسَاجِدِ وَمَصَالِحِ طَرِيقِ مَكَّةَ وَنَحْوِ ذَلِكَ وَمِمَّا يَشْتَرِكُ فِيهِ الْمُسْلِمُونَ فِيهِ وَالْأَقْبَرُ عَلَى الْفَقِيرِ أَوْ فَقْرَاءَ... وَإِذَا دَفَعَهُ إِلَى الْفَقِيرِ لَا يَكُونُ حَرَامًا عَلَى الْفَقِيرِ بَلْ يَكُونُ حَلَالًا طَيِّبًا... وَقَالَ الْعَزَائِيُّ أَيْضًا عَنْ مَعَاوِيَةَ بْنِ أَبِي سُفْيَانَ وَعَبْرَهُ مِنَ السَّلَفِ عَنْ أَحْمَدَ بْنِ حَنْبَلٍ وَالْحَارِثِ الْمُحَاسِنِيِّ وَغَيْرِهِمَا مِنْ أَهْلِ الْوَرَعِ لِأَنَّهُ لَا يَجُوزُ إِثْلَافُ هَذَا الْمَالِ وَرَمِيهِ فِي الْبَحْرِ فَلَمْ يَبْقَ إِلَّا صَرْفُهُ فِي مَصَالِحِ الْمُسْلِمِينَ

Maksudnya: Berkata Al-Ghazali: Jika ia memiliki harta haram dan ingin bertaubat dan membebaskan diri dari



harta tersebut, maka jika harta tersebut ada pemiliknya, wajiblah dikembalikan kepadanya atau kepada wakilnya. Jika pemiliknya telah meninggal dunia maka harta tersebut wajib diserahkan kepada ahli warisnya. Jika pemiliknya tidak diketahui dan dia sudah berputus asa untuk mengetahui pemiliknya, maka hendaklah dia menyalurkan harta tersebut untuk pelbagai kemaslahatan umat Islam, seperti membina jambatan-jambatan, pondok-pondok, masjid-masjid, masalahah jalan di Mekah dan seumpama dengannya yang mana umat Islam dapat sama-sama menggunakannya. Jika tidak, maka hendaknya ia sedekahkan kepada seorang fakir atau orang-orang fakir. Dan jika dia menyalurkannya kepada orang fakir, maka harta tersebut tidaklah menjadi haram bagi orang fakir tersebut bahkan halal dan baik baginya. Dan Al-Ghozali juga menukulkan pendapat ini daripada Mu'awiyah bin Abi Sufyan dan para salaf yang lain, daripada Ahmad bin Hanbal, Al-Harits Al-Muhasibi dan selain keduanya dari kalangan ahli warak. Tidak boleh membinasakan harta haram ini dan mencampakkannya ke dalam lautan. Maka tiada yang tinggal melainkan disalurkan untuk kemaslahatan umat Islam.

(Al-Majmu' Syarh Al-Muhadzab, Abu Zakariyya Muhyuddin bin Syarf an-Nawawi, Juz. 9, Hal. 351, Cet. Dal al-Fikr)

Dari penjelasan Imam An-Nawawi RH maka dibolehkan melaksanakan solat di masjid-masjid yang dibina daripada harta yang haram.

Menurut Imam Ibnu Taimiyyah RH, beliau berkata:

إِذَا كَانَتْ الْأَمْوَالُ قَدْ أُخِذَتْ بِغَيْرِ حَقٍّ وَقَدْ تَعَدَّرَ رَدُّهَا إِلَى أَصْحَابِهَا كَثِيرٍ مِنَ الْأَمْوَالِ السُّلْطَانِيَّةِ؛ فَأَلْغَانَهُ عَلَى صَرْفِ هَذِهِ الْأَمْوَالِ فِي مَصَالِحِ الْمُسْلِمِينَ كَسَدَادِ الثُّغُورِ وَتَقْفَةِ الْمُقَاتِلَةِ وَنَحْوِ ذَلِكَ: مِنْ الْإِعَانَةِ عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَى؛ إِذِ الْوَاجِبُ عَلَى السُّلْطَانِ فِي هَذِهِ الْأَمْوَالِ - إِذَا لَمْ يُمْكِنْ مَعْرِفَةُ أَصْحَابِهَا وَرَدُّهَا عَلَيْهِمْ وَلَا عَلَى وَرَثَتِهِمْ - أَنْ يَصْرِفَهَا - مَعَ التَّوْبَةِ إِنْ كَانَ هُوَ الظَّالِمُ - إِلَى مَصَالِحِ

المُسْلِمِينَ. هَذَا هُوَ قَوْلُ جُمْهُورِ الْعُلَمَاءِ كَمَا لِكِ وَأَبِي حَنِيفَةَ وَأَحْمَدَ وَهُوَ مَنْقُولٌ
عَنْ غَيْرِ وَاحِدٍ مِنَ الصَّحَابَةِ وَعَلَى ذَلِكَ دَلَّتِ الْأَدِلَّةُ الشَّرْعِيَّةُ

Maksudnya : Jika harta yang diperoleh dengan cara yang tidak benar dan tidak mungkin dikembalikan kepada pemiliknya yang asalnya sebagaimana kebanyakan harta para sultan, maka membantu untuk menyalurkan harta-



harta ini kepada perkara-perkara yang merupakan kemaslahatan kaum muslimin, seperti pembayaran untuk penjagaan di daerah-daerah perbatasan, untuk nafkah para mujahidin dan yang seumpamanya, maka termasuk dalam menolong untuk perbuatan kebajikan dan ketakwaan kerana yang wajib bagi sultan terhadap harta-harta tersebut jika tidak mampu mengetahui para pemilik harta tersebut dan tidak mampu untuk mengembalikan kepada mereka dan kepada para ahli warisnya. Maka hendaklah harta tersebut disalurkan untuk kemaslahatan kaum muslimin, tentunya disertai taubat jika sultan itu seorang yang zalim. Ini merupakan pendapat majoriti ulama seperti Imam Malik, Imam Abu Hanifah dan Imam Ahmad dan pendapat ini dinukil lebih daripada seorang sahabat dan ia adalah berdasarkan dalil-dalil syarak...

(Majmu' Al-Fatawa Syeikh al-Islam Ahmad bin Taimiyyah, Jil. 28, Hal. 283-284)

Dan ini juga yang telah difatwakan oleh Syaikh Bin Baaz RH, beliau berkata:

فالمساجد التي تبنى بمالٍ حرام، أو بمالٍ فيه حرام لا بأس بالصلاة فيها، ولا يكون حكمها حكم الأرض المغصوبة؛ لأن الأموال التي فيها حرام أو كلها من حرام تصرف في المصارف الشرعية ولا تترك ولا تحرق، بل يجب أن تصرف في المصارف الشرعية، كالصدقة على الفقراء وبناء المساجد وبناء دورات المياه، ومساعدة المجاهدين، وبناء القناطر، وغيرها من مصالح المسلمين

Maksudnya: Dan masjid-masjid yang dibina dengan harta yang haram atau dengan harta yang sebahagiannya haram, tidak mengapa dilaksanakan solat di dalamnya. Dan hukumnya tidak sama dengan hukum tanah yang dirampas kerana harta-harta yang sebahagiannya haram atau seluruhnya haram boleh disalurkan kepada perkara-perkara yang syar'ie, tidak boleh dibuang dan tidak dibakar, tetapi disalurkan kepada penyaluran yang syar'ie, seperti sedekah kepada para fakir miskin, membina masjid, membina tandas, membantu para mujahidin, membina

jambatan dan untuk lain-lain kemaslahatan umat Islam.

(lihat <http://www.binbaz.org.sa/mat/15776>)

Al-Lajnah Ad-Daaimah telah diajukan persoalan:

ما حكم من صلى بمسجد بناؤه كسب غنائه أي المطربة أو المغني الذي يعني في الأفراح والإعلام-
ويكسب من غنائه أموالاً كثيرة، وبنى من هذه الأموال مسجداً، فهل تصح صلاته فيه أم لا؟

Maksudnya: Apakah hukum solat di masjid yang dibina daripada hasil nyanyian iaitu dengan bermain alat muzik atau penyanyi yang bernyanyi di acara-acara pesta atau di televisyen dan penyanyi itu memperolehi harta yang banyak hasil daripada nyanyiannya itu dan kemudian dia membina masjid dengan harta tersebut, adakah sah solat di masjid tersebut?

الصلاة في هذا المسجد صحيحة وأما الكسب بالغناء وآلات اللهو فحرم وإثمه على صاحبه

Maksudnya: Solat di masjid tersebut sah, adapun hasil pendapatan daripada nyanyian dan permainan alat muzik itu adalah haram dan dosanya kembali kepada pelakunya.

(<http://www.sahab.net/forums/index.php?showtopic=95431>)

Walau bagaimanapun, masjid yang sudah dibina daripada sumber yang haram adalah harus digunakan seperti masjid-masjid yang lain. Ini berdasarkan kaedah:

يغتفر في البقاء ما لا يغتفر في الابتداء

Maksudnya: Dimaafkan (diampunkan) pada penerusan apa yang tidak dimaafkan (diampunkan) pada permulaan.

(Al-Qawaid al-Fiqhiyah wa Tadbiquatuha fi al-Mazahib al-Arba'ah, Dr. Muhammad Mustafa al-Zuhaili)

Wang daripada sumber haram atau tidak patuh syariah yang hendak dibersihkan, apabila pelakunya telah bertaubat, mestilah disalurkan kepada masalah orang Islam seperti pembinaan jambatan, pondok, masjid, jalan raya, sekolah, hospital dan seumpamanya. Jika tidak boleh maka disalurkan kepada orang-orang fakir dan miskin di kalangan orang Islam. Hasil haram yang telah disalurkan tersebut, adalah halal dan baik baginya.

Imam Al-Ghazali menukilkan pandangan beberapa ulama terkemuka antaranya ialah Imam Ahmad Bin Hanbal bahawa harta yang diperolehi melalui jalan yang haram boleh disalurkan untuk tujuan kemaslahatan umat Islam termasuk membina masjid, jambatan dan seumpama dengannya. Imam An-Nawawi dan sebahagian ulama' berpandangan bahawa dibolehkan melaksanakan ibadat solat di masjid yang didirikan daripada sumber harta yang haram dan sah solat padanya.



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 60

21hb Julai 2016

No. 15

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [Enakmen 2], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

Pembatalan

2. Fatwa Mengenai "Ajaran Tok Mat Janggut" yang disiarkan dalam Pemberitahuan Warta No. 157. bertarikh 8 Jun 2000 dibatalkan menurut kuasa subseksyen 50(1) Enakmen 2.

JADUAL

AJARAN TOK MAT JANGGUT

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2015 telah membincangkan tentang hukum mengenai Ajaran Tok Mat Janggut menurut pandangan syarak dan memutuskan seperti yang berikut:

- Muhamad bin Othman (Tok Mat Janggut) telah menyeleweng daripada pendekatan biasa yang digunakan oleh ulama dalam pengajian akidah Islam bagi mengenal Allah S.W.T. iaitu dengan mengkehendaki semua orang mesti mengenal Allah S.W.T. melalui kaedah yang dibawa olehnya. Dia menghendaki setiap orang perlu mengenal hakikat Allah S.W.T. sebagaimana yang terkandung dalam ungkapan "wa ma rabbu al-'Alamin" (وما رب العالمين) dan menolak kaedah mengenal Allah S.W.T. menerusi Pengajian Sifat 20.
- Dia telah mewajibkan setiap orang agar mempelajari ilmu ketuhanan menurut pendekatan beliau, sedangkan mengikut ulama Ahlu Sunnah Wal Jama'ah seperti Imam al-Ghazali, orang awam hanya dikehendaki mempercayai kewujudan Allah S.W.T. berdasarkan dalil-dalil yang mudah difahami sahaja dan mereka hanya patut menumpukan perhatian kepada aspek alam ibadat tanpa dibebankan dengan kewajipan memahami pendalilan akal yang rumit dan sukar difahami.
- Dia menyatakan Allah S.W.T. dengan menggunakan ungkapan "ma" (ما) sebagai ganti nama kepada Allah S.W.T. berpandukan ayat 23, Surah al-Syu'ara': "قال فرعون وما رب العالمين" iaitu Allah S.W.T. disifatkan sebagai "apa", sedangkan dia seorang yang jahil tentang agama dan tidak memahami bahasa Arab.
- Dia menggunakan ungkapan "ma rabbuka" (ما ربك) pada persoalan Malaikat Mungkar dan Nakir di dalam kubur dan sukannya "man rabbuka" (من ربك) sedangkan hadis-hadis berkaitan soal kubur adalah menggunakan ungkapan "man rabbuka" (من ربك) dan "marrik" (ما ربك) di dalam ayat 23, Surah al-Syu'ara' adalah merupakan ungkapan ayat yang digunakan oleh Firaun terhadap Nabi Musa a.s. yang dinukilkan dalam al-Quran.

- Ungkapan "ma rabbuka" (ما ربك) sebenarnya tiada dalam lafaz hadis yang sahih kerana ungkapan yang betul ialah "man rabbuka" (من ربك) dan di antara Hadis Nabi S.A.W. yang dimaksudkan ialah;

(a) عن البراء بن عازب حينما تكلم النبي - ﷺ - عن المؤمن وتعرضه للفتنة في القبر فقال: ((فيأتيه ملكان شديدتا الابتهاج، فينتهرا به ويجلسانه، فيقولان له: من ربك؟ ما دينك؟ من نبيك؟ وهي آخر فتنة تعرض على المؤمن، فذلك حين يقول الله - عز وجل -: (يُنَبِّئُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ وَيُضِلُّ اللَّهُ الظَّالِمِينَ وَيُفَعِّلُ اللَّهُ مَا يَشَاءُ) [إبراهيم: 27]، يقول: ربي

الله، ودينني الإسلام، ونبيي محمد - ﷺ - فينادي منادٍ من السماء أن صدق عبدي))؛ (السلسلة الصحيحة: 3/1391)

(b) عن أبي قتادة - رضي الله عنه - في قوله تعالى: (يُنَبِّئُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ) [إبراهيم: 27]، قال: "إن المؤمن إذا مات أُجلس في قبره، فيقال له: من ربك؟ فيقول: الله - عز وجل، فيقال له: من نبيك؟ فيقول: محمد بن عبدالله - ﷺ - فيقال له ذلك مرات، ثم يُنتح له باب إلى النار، فيقال له: انظر إلى منزلك من النار لو زعت، ثم يُنتح له باب إلى الجنة، فيقال له: انظر إلى منزلك من الجنة إذ فيك، وإذا مات الكافر أُجلس في قبره، فيقال له: من ربك؟ ومن نبيك؟ فيقول: لا أدري، كنت أسمع الناس يقولون، فيقال له: لا دريت، ثم يُنتح له باب إلى الجنة، فيقال له: انظر إلى مجلسك من الجنة لو فيك، ثم يُنتح له باب إلى النار فيقال له: انظر إلى منزلك من النار إذ زعت، فذلك قوله تعالى: (يُنَبِّئُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ) [إبراهيم: 27]"

- Dia menggunakan ungkapan "tubuh Allah" di dalam pengajarannya. Kenyataan ini adalah tidak layak bagi Allah S.W.T., sekalipun beliau menafikan Tuhan adalah sama dengan makhlukNya. Ini kerana Allah S.W.T. tidak berjirim. Perkara ini telah dijelaskan dalam kitab *al-Luma'*, karangan Abu Hassan Al-Asya'ari (terjemahan):

"Masalah: sekiranya seseorang berkata atau bertanya, "Kenapakah kamu mengingkari (tidak menerima) bahawa Allah S.W.T. itu adalah jisim?" Dikatakan (dijawab) baginya, "Kami mengingkarinya kerana orang yang berpendapat bahawa Allah S.W.T. berjirim (pastinya menisbahkan Allah S.W.T.) dengan panjang, lebar dan luas (ini sifat-sifat bagi jisim). Sedangkan (penisbahan Allah S.W.T.) dengan panjang, lebar; luas dan dalam adalah tidak harus (haram kerana menyerupai makhluk). Demikian juga berhimpun dan (bercerai) yang biasanya disebut sebagai ciri-ciri jisim tidak harus (dinisbahkan kepada Allah S.W.T.), dan jika dia kehendaki (dengan soalnya tadi), kenapakah tidak kamu namakan dia (Allah S.W.T.) itu sebagai jisim walaupun tidaklah ia (Allah S.W.T.) itu panjang, lebar dan berhimpun? Maka (jawabnya) nama-nama itu tidaklah boleh (disandarkan) kepada kita. Dan tidaklah harus kita namakan Allah S.W.T. itu dengan satu nama yang Allah S.W.T. sendiripun tidak menamakan zatNya dengan nama tersebut, dan tidak juga Rasulnya menamakan sebegitu, dan tidak juga umat Islam ijma' atasnya dan tidak juga atas pengertiannya..."

- Dia menyatakan zat Allah S.W.T. menyelinap masuk atau sebatu atau meliputi dengan segala zat yang baharu (kena jadi) berdalilkan dari surah Al-Nisa' ayat 126:

وَلله مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۗ وَكَانَ اللهُ بِكُلِّ شَيْءٍ مُّحِيطًا

Maksudnya: Dan bagi Allah jualah segala yang ada di langit dan segala yang ada di bumi dan Allah sentiasa meliputi (pengetahuannya dan kekuasaannya) akan tiap-tiap sesuatu.

- Dia memperlekehkan ulama Usuluddin dan kitab-kitab mereka yang muktabar.
- Menolak penggunaan kaedah hitungan Ilmu Falak dalam menentukan waktu solat dan puasa sebaliknya menggunakan kaedah melihat (*rukyah*) semata-mata.
- Ajaran ini mengandungi penyelewengan dari sudut Aqidah dan Syariah serta perlu dihalang kerana ia membawa kekeliruan kepada masyarakat, berdasarkan kaedah *sadd al-zara'i*. Pendekatan yang dibawa juga bercanggah dengan pendekatan ulama yang menyatakan bahawa kaedah untuk mengenal Allah S.W.T. mestilah mengikut tahap kemampuan akal manusia. Oleh yang demikian, mana-mana orang Islam yang telah mempelajari dan mengamalkan ajaran Muhamad bin Othman (Tok Mat Janggut) di mana-mana jua berada hendaklah meninggalkannya dan segera bertaubat serta memohon keampunan daripada Allah S.W.T.

Dibuat 10 Disember 2015

[JMNP/ (S)/19/1101/001 Klt. 3(11); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 3]

Dengan Titah Perintah

DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR
Pengerusi Jawatankuasa Fatwa
Pulau Pinang

HUKUM BERKAITAN PEMELIHARAAN ANJING SEBAGAI HAIWAN PELIHARAAN OLEH ORANG ISLAM

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil.4/2017 yang bersidang pada 14-15 Ogos 2007 telah membincangkan Hukum Pemeliharaan Anjing Sebagai Haiwan Peliharaan Oleh Orang Islam. Mesyuarat telah membuat keputusan seperti berikut:


1. Hukum memelihara anjing sebagai haiwan kesayangan (*pet*) di rumah adalah haram melainkan untuk tujuan muktabar yang termasuk dalam keperluan dan kemaslahatan. Antaranya adalah untuk tujuan:
 - a) Perburuan. Ini menunjukkan bahawa anjing yang digunakan bukanlah anjing "comel" dijadikan "teman" untuk bermanja, tetapi anjing yang bersifat garang dan ganas atau tahan lasak sehingga sesuai dijadikan untuk berburu. Harus juga diingat, Islam hanya membenarkan pemburuan untuk mendapatkan makanan bukan memburu kerana sukan, suka-suka dan berseronok-seronok kerana Islam tidak membenarkan haiwan dibunuh atau diseksa atau diusir dari tempat yang lazim mereka tinggal, hanya untuk suka-suka.
 - b) Untuk dijadikan anjing pemandu jalan seperti untuk orang buta sekiranya amat memerlukan dan tiada orang lain yang dapat membantu.
 - c) Untuk tujuan keselamatan pihak berkuasa seperti polis dan kastam.
 - d) Untuk mengawal keselamatan di sekitar rumah.
 - e) Untuk membantu penternakan haiwan.
2. Perbuatan memegang anjing secara sengaja, tanpa sebarang sebab yang dibenarkan dalam Islam akan menimbulkan keresahan di kalangan umat Islam kerana ianya bercanggah dengan pegangan mazhab



Sertu: Menyertu menyucikan mana-mana bahagian badan yang terkena najis mughallazah (anjing dan babi) dengan air yang bercampur tanah sekali dan air mutlak enam kali, menyamak.

dan 'uruf/adat di Malaysia. Menurut Mazhab Syafie, umat Islam adalah dilarang menyentuh anjing secara sengaja kerana menajiskan diri tanpa tujuan yang munasabah adalah haram di sisi Islam.

3. Walaupun Islam meletakkan kaedah 'sertu' apabila terkena najis yang dikategorikan sebagai mughallazah namun kaedah tersebut bukanlah alasan untuk membolehkan seseorang itu memegang najis mughallazah secara sengaja. Tindakan tersebut samalah seperti orang yang sengaja melakukan dosa dengan alasan akan bertaubat kemudiannya.
4. Perbuatan ini juga akan disalah tafsir dan dilihat seolah-olah cuba mencipta budaya baru yang boleh membawa kepada perbuatan menghina agama Islam. Oleh yang demikian, individu yang sengaja melakukannya perlu segera menghentikan perbuatan tersebut dan kembali bertaubat kepada Allah.
5. Umat Islam dinasihatkan agar tidak menjadikan haiwan tersebut sebagai binatang peliharaan. Malahan Islam mewajibkan semua umatnya untuk memelihara kesucian diri, pakaian dan tempat tinggal agar ia tidak menjejaskan amal ibadah seharian.



ISTIMEWA GERHANA BULAN PENUH

31 JANUARI 2018/15 JAMADILAWAL 1439H

Fenomena gerhana bulan atau matahari adalah berkaitan dengan dua objek samawi yang paling berpengaruh kepada kita iaitu bulan dan matahari. Objek ini sering diulang sebut dalam al-Quran dalam beberapa ayat antaranya surah as-Shams; 1-2 dan surah Fussilat; 37. Kejadian gerhana yang berlaku sekaligus mengesahkan kepatuhan dan keakuran dua makhluk ini terhadap penciptanya dengan melaksanakan tugas yang diamanahkan tanpa gagal sejak zaman berzaman.

Apabila terjadi kejadian seumpama ini, terdapat kepercayaan dan mitos tertentu yang tertanam dalam minda masyarakat. Antaranya, kepercayaan bulan sedang sakit yang memberi petanda tidak baik dan seumpamanya. Islam mengajarkan kita sebaliknya melalui sabda Nabi SAW yang diriwayatkan dari Mughirah bin Syu'bah ra; Gerhana matahari telah berlaku pada zaman Rasulullah SAW pada hari kewafatan anakanda baginda, Ibrahim lantas Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud;

"Sesungguhnya matahari dan bulan adalah dua tanda dari tanda-tanda kebesaran Allah. Tidak terjadi gerhana kedua-duanya disebabkan kematian atau kehidupan sesiapa. Barangsiapa yang menyaksikan peristiwa gerhana maka, hendaklah mereka segera berdoa dan solat sehingga ia kembali kelihatan".


Dari hadis ini, Nabi SAW menekankan bahawa bulan, matahari serta peristiwa gerhana yang berlaku merupakan lambang kebesaran dan keagungan Allah. Umat Islam dianjurkan mengerjakan solat khusus yang dipanggil *Solat Sunat Khusus* (Gerhana Bulan) atau *Solat Sunat Kusuf* (Gerhana Matahari) dengan kaifiat yang tersendiri dan diikuti dengan khutbah. Ini sekaligus menangkis kepercayaan-kepercayaan karut yang dikaitkan dengan peristiwa gerhana.

Walau bagaimanapun, Kiamat yang diimani oleh kita bakal berlaku ditandai dengan kemusnahan alam semesta dan sistem cakerawala. Ini dinyatakan dengan jelas menerusi firman Allah SWT dalam surah al-Qiyamah: 6-9 yang bermaksud;

"Ia bertanya (secara mengejek), bilakah datangnya hari kiamat itu?. Maka (hari kiamat akan datang) apabila pandangan menjadi berpinar-pinar (kerana gerun dan takut). Dan bulan hilang cahayanya. Dan matahari serta bulan dihimpunkan bersama".

Firman Allah lagi dalam surah at-Takwir: 1-2 yang bermaksud;

"Apabila matahari digulung. Dan apabila bintang-bintang berguguran".



Ayat-ayat di atas memberi isyarat kepada kita bahawa kiamat akan terjadi dan dimulai dengan kehancuran alam semesta serta sistem cakerawala. Justeru, peristiwa gerhana ini secara tidak langsung mengingatkan kita pada saat kehancuran alam semesta yang menandakan bermulanya kiamat suatu masa kelak.

Fenomena gerhana bulan penuh yang berlaku pada 31 Januari/15 Jamadilawal lalu merupakan peristiwa yang istimewa.

- **Persoalan 1**
- **Apakah sebenarnya gerhana bulan menurut astronomi?**
- Gerhana bulan berlaku apabila jasad bulan memasuki kawasan bayang-bayang bumi yang berada di angkasa lepas. Ia hanya boleh berlaku ketika bulan berada di dalam fasa purnama (bulan penuh) sahaja. Ketika ini, matahari, bumi, dan bulan berada di dalam satu garisan lurus yang sempurna.
- **Persoalan 2**
- **Mengapa gerhana tidak berlaku tiap-tiap bulan padahal bulan sentiasa mengalami fasa purnama?**
- Ini adalah kerana satah orbit bulan ketika ia mengelilingi bumi senget sedikit berbanding dengan satah bumi ketika mengelilingi matahari. Ia senget sekitar 5 darjah. Bayang-bayang bumi yang mengunjur jauh di angkasa lepas tidak berada tepat di atas satah orbit bulan ini. Oleh sebab itu, walaupun bulan dalam fasa purnama dan berada bertentangan arah dengan matahari, jika kedudukan satahnya tidak sama dengan bumi, ia akan berada di luar kawasan bayang-bayang bumi ini dan gerhana tidak akan berlaku.



Jika sebahagian bulan memasuki kawasan bayang-bayang gelap (umbra), ia dikenali sebagai 'Gerhana Bulan Separa'. Maksud 'separa' di sini tidak semestinya 'separuh' atau 50% tertutup. Ia mungkin tutup sedikit sahaja atau mungkin hampir keseluruhan bulan. Jika keseluruhan jasad bulan memasuki kawasan bayang-bayang gelap (umbra), ia dikenali sebagai 'Gerhana Bulan Penuh'. Ini merupakan gerhana yang paling cantik dan menakjubkan.

Justeru, gerhana bulan penuh yang berlaku pada awal tahun ini menjadi begitu unik dan istimewa. Faktor-faktor yang menjadikan peristiwa ini unik adalah;

1. Masa Kejadian: Di Malaysia dan Asia Tenggara, gerhana bulan ini berlaku pada awal malam iaitu bermula selepas Maghrib dan tamat menjelang tengah malam. Waktu kejadian ini boleh dikatakan agak ideal kerana ia berlaku pada waktu puncak ketika semua orang sudah pun berada dalam keadaan rehat dan tenang di kediaman masing-masing serta tidak berlaku terlalu lewat selepas tengah malam. Gerhana kali ini dapat dilihat di kawasan Asia Tengah dan Asia Timur pada awal dan lewat malam serta Amerika Syarikat dan Kanada menjelang Subuh di sana. Afrika, sebahagian Eropah, dan Amerika Selatan tidak dapat melihatnya ketika itu.
2. Tempat Kejadian; Gerhana bulan tidak sama seperti gerhana matahari. Di dalam kes gerhana matahari, lokasi cerapan kita perlu tepat. Waktu berlakunya gerhana matahari pun tidak sama antara satu bandar dengan bandar yang lain. Bagi kes gerhana bulan ini, ia tidaklah begitu *rigid*. Mana-mana bahagian dunia yang sedang mengalami waktu malam dan pada waktu yang sama gerhana sedang berlaku maka,

penduduknya di situ boleh menyaksikannya di langit.

3. Kawasan Bayang Bumi; Semasa berlakunya gerhana bulan penuh, bulan sebenarnya sedang bergerak secara perlahan-lahan memasuki kawasan bayang-bayang bumi. Menarik untuk kita fikirkan di sini ialah bayang-bayang bumi ini sentiasa wujud di langit dan berada bertentangan arah dari matahari. Namun, disebabkan ia gelap, maka ia tidak kelihatan malah kita pun tidak boleh mengagak kawasan mana di langit yang terletaknya bayang-bayang itu. Tetapi jika ada jasad lain yang bergerak merentasi kawasan ini, barulah kita akan perasan bahawa di kawasan langit itu rupanya terlindung daripada cahaya matahari. Di dalam kes ini, bulan bergerak masuk ke dalam bayang-bayang ini dan kelihatan terlindung sedikit demi sedikit, lalu menzahirkan kewujudan bayang-bayang bumi ini. Ada dua kawasan bayang-bayang bumi yang terhasil. Bayang-bayang umbra iaitu kawasan bayang-bayang paling gelap dan bayang bayang penumbra iaitu kawasan bayang-bayang di luar umbra dan tidak begitu gelap. Jika bulan memasuki kawasan bayang-bayang penumbra sahaja, ia dikenali sebagai 'Gerhana Bulan Penumbra'. Walaupun ia dipanggil gerhana tetapi secara zahirnya kita susah untuk lihat sebarang perubahan kecerahan cahaya pada permukaan bulan ketika gerhana jenis ini.
4. Bulan Berdarah (*Blood Moon*); Bulan akan kelihatan berubah warna menjadi merah pekat. Kesan cahaya merah ini disebabkan masih ada sebahagian daripada spektrum cahaya merah matahari yang terlepas dan dibiarkan oleh atmosfera bumi lalu jatuh ke permukaan bulan. Ia umpama waktu senja, jika kita perasan apabila selepas waktu Maghrib, walaupun matahari sudah tidak kelihatan, masih ada saki-baki cahaya kemerahan matahari yang menyinari langit. Ia tidak gelap serta-merta. Inilah kesan biasan cahaya merah oleh atmosfera bumi.
5. Bulan Besar dan Dekat (*Supermoon*); Gerhana bulan ketika itu berlaku 1.2 hari selepas bulan berada pada kedudukan Perigee (paling dekat dengan bumi). Justeru, bulan kelihatan agak besar.
6. Bulan Biru (*Blue Moon*); Bulan biru adalah istilah yang merujuk kepada peristiwa munculnya bulan purnama kedua yang terjadi dalam satu bulan (Masihi) yang sama. Nama 'Bulan Biru' sebenarnya tidak ada hubungannya dengan warna.

Semoga peristiwa yang telah berlaku ini meningkatkan lagi keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah SWT. Ianya juga seharusnya menjadi titik tolak ke arah penerokaan yang lebih serius oleh kita terhadap khazanah penciptaan alam semesta.



TUAN GURU HAJI ABDULLAH FAHIM (1951-1960)

Latar Belakang

Tuan Guru Sheikh Abdullah bin Ibrahim dilahirkan pada tahun 1869 di Tanah Suci Makkah al-Mukarramah iaitu satu tempat yang tidak jauh dari Masjid al-Haram yang bernama Shuib Ali. Tuan Guru Sheikh Abdullah lebih dikenali sebagai Sheikh Haji Abdullah Fahim iaitu ambilan daripada nama ringkas bapanya Pak Him atau Sheikh Ibrahim bin Tahir iaitu "Fahim" yang bermaksud "yang alim atau faham semua ilmu".

Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan seorang gadis Melayu iaitu Hajjah Wan Habsah yang pernah tinggal di Makkah. Hasil perkongsian hidup yang lalu, beliau telah dianugerahkan dengan empat (4) orang cahaya mata iaitu Khadijah, Ahmad Ghazali, (Ahmad yang kemudiannya



Tun Abdullah Ahmad Badawi

dikenali di Malaysia dengan nama Ahmad Badawi iaitu bapa kepada Tun Abdullah Ahmad Badawi, seorang tokoh politik negara dan mantan Perdana Menteri Malaysia yang kelima) dan akhir sekali ialah Abdul Hamid. Tuan Guru Sheikh Abdullah bin Ibrahim adalah seorang tokoh ulama dan pendidik yang sangat gigih serta banyak menabur jasa yang besar terhadap perkembangan Islam dan kemajuan sosial serta politik. Beliau meninggal dunia pada 28 April 1961 ketika berusia 92 tahun.

Pendidikan

Tuan Guru Haji Abdullah Fahim telah dibesarkan dan dididik dalam tradisi ilmu oleh bapanya sendiri. Oleh yang demikian, berkat dengan kepintaran dan ketekunannya itu beliau telah berjaya mendalami ilmu agama di Makkah dan menguasai Ilmu Usuluddin, Fiqh, Tasawwuf, Tarekat, Tafsir Al-Quran, Hadith, Falak serta ilmu alat seperti



'Arudh dan Qawafi dalam rumpun sastera arab. Sepanjang hidupnya, Tuan Guru Haji Abdullah Fahim telah menunjukkan minat yang begitu mendalam dan luar biasa untuk mencari lebih 45 orang guru yang terkenal, antara mereka itu adalah termasuklah ahli-ahli falsafah Islam yang tersohor pada ketika itu. Usahanya yang istiqamah itu telah menghasilkan kejayaan yang terpuji. Beliau juga mempunyai kelulusan lebih daripada 15 bidang ilmu Islam. Kemahiran utama beliau juga adalah dalam bidang ilmu falak dan kesusasteraan Arab. Selain daripada itu, Tuan Guru Haji Abdullah Fahim juga memiliki semangat jihad yang tinggi dan pernah menyertai gerakan Islam di negara Arab untuk menentang penjajahan Yahudi, Perancis dan Amerika Syarikat.


Kerjaya

Mengikut sejarah, Sheikh Ibrahim serta anaknya iaitu Tuan Guru Haji Abdullah Fahim pernah dilantik sebagai ahli lembaga Masjid Al-Haram. Sewaktu beliau berada di Makkah, beliau juga telah mengambil kesempatan untuk mempelajari ilmu politik Islam dan antarabangsa. Ketokohan Tuan Guru Haji Abdullah Fahim di dalam bidang pendidikan tidak ada tolak bandingnya malah pada peringkat awal kerjayanya, beliau pernah menjadi guru di Masjid al-Haram dengan mengajar ilmu falak, usuluddin, tafsir al-Quran dan hadis. Ramai antara pelajar yang mengikuti kuliahnya itu datang dari alam Melayu, termasuk Semananjung Tanah Melayu, Sabah, Sarawak, Brunei, Sumatera, Jawa, Filipina, Pattani dan Thailand. selain itu, muridnya juga ada datang dari Arab, India dan China.

Sumbangan

Tuan Guru Haji Abdullah Fahim pernah terlibat dalam politik tanah air di mana setelah beliau berhijrah ke Tanah Melayu pada tahun 1921 beliau terlibat dalam memperjuangkan pembebasan tanah air dan bangsa dari belunggu penjajah serta menasihati pemimpin tertinggi UMNO dalam hal-hal yang tertentu, termasuklah dalam menentukan tarikh kemerdekaan iaitu pada 31 Ogos 1957. Beliau membuat penentuan tentang tarikh tersebut dengan menggunakan kemampuannya untuk mengira mengikut ilmu falak apabila diminta oleh Yang Mulia Tengku Abdul Rahman Putra al-Haj Perdana Menteri yang pertama Malaysia.

Selain daripada itu, dalam bidang pendidikan itu beliau dijemput oleh Sheikhul Islam Kedah, Sheikh Wan Sulaiman Wan Sidiq untuk mengajar di Pondok Tuan Haji Wan Sulaiman Sidik atau Madrasah Limbongan Kapal yang kini dikenali sebagai Maahad Mahmud selama empat tahun. Pada tahun 1926, beliau kembali ke Kepala Batas dengan tujuan menubuhkan sebuah institusi pendidikan bagi melahirkan anak bangsa yang boleh memperjuangkan kemerdekaan negara. Pusat pengajiannya dikenali sebagai Madrasah Al-Daeratul Maarif al-Wathaniyah. Perkataan "Al-Wathaniyah" atau Bumiputera itu jelas memperlihatkan semangat kemerdekaannya. Pada tahun 1930, Sheikh Abdullah Fahim dijemput oleh Sultan Perak untuk menjadi Mudir Madrasah Idrisiyah sehingga 1946. Pada tahun 1951, Tuan Guru Haji Ibrahim telah dilantik sebagai Mufti Pulau Pinang yang pertama dan beliau berkhidmat selama lima tahun iaitu dari tahun 1951-1960.



Tuan Guru Haji Abdullah Fahim (dua kiri) bersama anak muridnya di hadapan Madrasah Daeratul Maarifil al-Wathaniyah.



Mesyuarat Agung Kelab
Kebajikan & Sukan Jabatan
Mufti Negeri Pulau Pinang
26/1/2018



Bengkel Appgen PgGOV eMUFTI & Bugs Solving Sistem
eFATWA dengan Kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat
dan Komunikasi Negeri 17/11/2017



Booth Pameran & Edaran Bahan
Penerbitan Jabatan Mufti Negeri
Pulau Pinang 17/3/2018



Cerapan Gerhana Bulan Penuh
1439H 31/1/2018



Majlis Ikrar Bebas Rasuah Jabatan Mufti Negeri
Pulau Pinang bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah
Malaysia 10/11/2017



Pertemuan dan Perbincangan Mufti Kerajaan
Negeri Pulau Pinang dengan Ketua Pengarah
JAKIM 15/1/2018



Bengkel Sistem Integrasi
Samawi (iSamawi) 6/2/2018



Mesyuarat Jawatankuasa Falak Negeri Pulau Pinang
21/11/2017



Bicara Mufti 24/11/2017



Perbincangan Isu
Pengesahan Nasab dan
Permohonan Pertukaran
Nama antara JMNPP dengan
JPNPP 16/1/2018



Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri
Pulau Pinang 1439H /2017M 1/12/2017



Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri
Pulau Pinang 13/2/2018 - 14/2/2018

BAHSUL KITAB & TAKLIMAT ICT



Kakitangan Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang mendengar Taklimat ICT

Bahsul Kitab atau lebih dikenali sebagai *Book Review* merupakan satu program yang memberi pendedahan ringkas mengenai bahan-bahan terbitan Jabatan kepada semua warga JMNPP. Di samping itu juga, program ini bertujuan membincangkan isu-isu semasa fatwa dan fenomena-fenomena falak yang berlaku.

Sebanyak dua (2) siri telah dilaksanakan iaitu pada 6 Oktober 2017 dan 13 November 2017 dan dikupas oleh Ustaz Alias bin Ahmad, Penolong Mufti (Buhuth) mengenai buku "Tatatertib di Masjid" dan buku "Panduan Bersuci, Bersolat Dan Berpuasa Bagi Pesakit". Pengisian rohani juga tidak dilupakan dalam "Menyingkap Segala Rahsia" dalam buku *كشف الأسرار*. Kakitangan juga turut diberi pendedahan tentang buku "Bahaya Anti Mazhab" oleh Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab.



Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim Bin Wan Mohd Noor (Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang) menyampaikan cenderahati kepada Encik Abdul Hamid bin Md Noor

Pada 27 April 2018 dibincangkan berkaitan dengan isu-isu fatwa iaitu Hukum Menggerakkan Tabung Kutipan Derma/Sumbangan Ketika Khutbah Jumaat dan Hukum Pembinaan Masjid Dari Dana Loteri Kebajikan Masyarakat Dan Solat Di Dalamnya. Turut diselitkan dengan Taklimat ICT (BYOD) "Bring Your Own Device" oleh Encik Abdul Hamid bin Md Noor (Penolong Setiausaha Kanan (KR), BTMKN).

BENKEL PENYEMAKAN PENERBITAN

Saban tahun, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (JMNPP) sentiasa menerbitkan beberapa judul buku, risalah dan buletin yang berkaitan hal ehwal agama, fatwa, falak dan panduan hukum syarak. Justeru, Bengkel Penyemakan Penerbitan diadakan bagi memperbaiki mutu penerbitan sedia ada agar mencapai standard penulisan yang baik dan berkesan kepada masyarakat. Bengkel ini juga menyemak dan memperhalusi kandungan bahan-bahan terbitan jabatan agar dapat memenuhi kehendak dan pemahaman masyarakat. Bengkel ini telah diadakan sebanyak empat (4) kali pada tahun 2017 di bilik mesyuarat JMNPP dengan dihadiri oleh beberapa kakitangan jabatan.

Bagi tahun 2018, bengkel tersebut dilaksanakan pada 5 & 19 Mac 2018 di Masjid Daerah Seberang Perai Utara dan di Masjid Abdullah Fahim, Bertam. Bengkel ini telah melibatkan kakitangan di Bahagian Falak dalam membincangkan dan memurnikan semula kandungan yang terdapat di dalam tujuh (7) risalah yang berkaitan dengan falak. Manakala bagi pengisian bengkel yang dihadiri oleh Bahagian Fatwa pula, adalah penyusunan semula buku Hari Jumaat : Kelebihan, Hukum dan Bidaah' yang disusun oleh Dato' Syekh Zakaria bin Haji Ahmad Wan Besar. Bengkel ini telah diadakan pada 23 April 2018 di Masjid Daerah Seberang Perai Tengah, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.



MEMPROMOSI TERBITAN DAN SISTEM APLIKASI JMNPP

Selari dengan agenda Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (JMNPP) untuk menyebarkan ilmu dan maklumat kepada masyarakat Pulau Pinang, terbitan JMNPP dan sistem aplikasi Jabatan turut dipromosikan di luar pejabat. Penyertaan JMNPP di beberapa program pameran seperti Karnival Masjid Terbuka, Klinik Celik Undang-Undang Keluarga Islam & Forum Ulama Lawan Rasuah pada 10 Februari dan 17 Mac 2018 di Perkarangan Masjid Baru Sungai Bakap, SPS dan di Masjid Umar Ibnu Al-Khattab, Bandar Bayan Baru, Pulau Pinang merupakan satu wadah bagi mempromosikan dan mengedarkan terbitan serta sistem aplikasi Jabatan.

Kebanyakan pameran tersebut dianjurkan oleh Jawatankuasa MMK (Agama) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP) dan beberapa badan NGO. Di samping mempromosikan buku tulisan Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor yang bertajuk "Menongkah Arus Globalisasi". JMNPP juga turut mengambil peluang ini untuk mempromosikan sistem aplikasi Jabatan kepada masyarakat. Antara sistem aplikasi mudah Jabatan yang ingin diperkenalkan adalah Sistem eKemasyarakatan, Sistem eFatwa dan PgGOV eMufti.

PgGOV eMUFTI merupakan aplikasi Carian Fatwa Penang & Kemasyarakatan Agama yang dibangunkan oleh Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang. Sistem ini telah dilancarkan sebagai satu kemudahan saluran perkhidmatan kerajaan dalam meningkatkan sistem penyampaian kerajaan untuk rakyat khususnya pengguna beragama Islam di Negeri Pulau Pinang pada 11 Oktober 2017. Aplikasi PgGOV eMUFTI juga boleh dimuat turun melalui Google Play Store melalui pautan <https://goo.gl/yq723W>.

Justeru, Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor telah menyampaikan sijil penghargaan kepada Setiausaha Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri serta pegawai-pegawai yang terlibat pada Disember 2017 dan menghargai kerjasama dan sumbangan mereka yang telah diberikan dalam membangunkan sistem eFatwa dan Sistem aplikasi PgGOV eMUFTI.



Penerangan Cerapan Matahari Oleh Encik Mohamad Aliff bin Hashim



Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan Kepada Pegawai-Pegawai PgGOV eMUFTI



Booth Pameran & Edaran Bahan Penerbitan JMNPP

MIMBAR MUFTI

Mimbar Mufti merupakan satu program yang memberi penerangan serta penjelasan mengenai keputusan mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang kepada masyarakat setempat isu-isu baharu yang berkaitan dengan hukum syarak. Di samping itu juga, program ini bertujuan mewujudkan dan memantapkan jalinan kerjasama di antara pihak kariah dan agensi kerajaan dalam pelbagai aspek terutamanya yang berkaitan dengan hukum syarak.



Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor memberi penerangan ringkas berkaitan isu-isu fatwa

Sebanyak tiga (3) siri telah dilaksanakan iaitu pada 2 Februari, 2 & 16 Mac 2018 di Pusat Islam UiTM Pulau Pinang, Masjid Jamek Rantau Panjang dan Masjid Kubang Ulu, Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Antara isu-isu yang disampaikan oleh Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor ialah Hukum Menggerakkan Tabung Kutipan Derma/Sumbangan Ketika Khutbah

Jumaat dan Hukum Membina Masjid Dari Dana Loteri Kebajikan Masyarakat.



Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor bersama ahli-ahli jawatankuasa fatwa memperjelaskan beberapa isu-isu berkaitan fatwa.



Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor menyampaikan khutbah Jumaat

KULIAH Tafaqquh BULANAN

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Unit Hal Ehwal Islam, UiTM Pulau Pinang telah menganjurkan Kuliah Tafaqquh Bulanan sebanyak dua (2) kali iaitu pada 26 Februari dan 2 April 2018. Program ini bertempat di Bilik Seminar, Pusat Islam, UiTM Pulau Pinang. Kuliah Tafaqquh Bulanan ini membincangkan dua (2) buah kitab iaitu Kitab Asybah wan Nadhoir dan Kitab Penawar Bagi Hati yang disampaikan oleh YBhg. Tuan Haji Rosli bin Othman.

Peserta terdiri daripada beberapa AJK Fatwa Negeri Pulau Pinang dan beberapa kakitangan dari pelbagai agensi agama antaranya Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang dan Universiti Teknologi Mara.

Program ini bertujuan memberi pendedahan ilmu kepada peserta berkenaan pembahagian bidang Ilmu



Peserta Kuliah Tafaqquh Bulanan



YBhg. Tuan Haji Rosli bin Othman memberi penerangan mengenai kitab Asybah Wan Nadhoir

al-U'lum al-Islamiah (العلوم الإسلامية) kepada tiga (3) cabang iaitu *al-U'lum al-Wasail* (العلوم الوسائل), *al-U'lum al-Maqasid* (العلوم المقاصد) dan *al-U'lum al-Mulh* (العلوم الملح) dalam kitab Asybah Wan Nadhoir. Di samping itu juga, peserta didedahkan kepada permulaan Ilmu Tasawuf yang merangkumi tiga (3) kitab kecil di dalamnya iaitu kitab yang pertama; anggota badan yang tujuh (7), kitab yang kedua; qalbu(jantung/hati) dan kitab yang ketiga; perangai/sifat mahmudah (yang terpuji).

KULIAH UMUM

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang telah menganjurkan Kuliah Umum sebanyak tiga (3) kali iaitu pada November 2017 dan Mac 2018. Kuliah Umum Siri 1/2017 dilaksanakan di Auditorium MPSP, Perda, Pulau Pinang pada 3 November 2017. Manakala Kuliah Umum Siri 2/1438H dan Siri 3/1438H telah dilaksanakan di Masjid Daerah Barat Daya, Balik Pulau, Pulau Pinang dan

Auditorium F, KOMTAR pada 9 dan 30 Mac 2018. Beberapa kertas kerja telah dibentangkan sepanjang program tersebut antaranya "Wanita & Jihad oleh YBhg. Puan Fadhlina binti Dato' Sidek, Peguam Syarie & Timbalan Presiden Pertubuhan Pemberdayaan Keluarga dan "Jihad Menurut Perspektif Al-Quran" oleh YBhg. Dato Wira Dr Ismail bin Ibrahim, Penyandang Kursi Sultan Mizan Zainal Abidin (UNISZA).

CERAPAN GERHANA BULAN PENUH



Pelawat cilik beratur untuk melihat fenomena Gerhana Bulan Penuh melalui teleskop



Khutbah Gerhana Bulan Penuh



Booth Pameran Peralatan Falak & Edaran Bahan Penerbitan Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

Pada 31 Januari 2018 bersamaan 15 Jamadilawal 1439H, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Masjid Abdullah Fahim, Bertam telah berjaya menganjurkan suatu majlis cerapan bersempena fenomena Gerhana Bulan Penuh di perkarangan Masjid Abdullah Fahim, Kepala Batas. Fenomena Gerhana Bulan ini berlaku apabila jasad bulan memasuki kawasan bayang-bayang bumi yang berada di angkasa lepas. Ia hanya boleh berlaku ketika bulan berada di dalam Fasa Purnama (Bulan Penuh) sahaja. Ketika ini, matahari, bumi dan bulan berada di dalam satu garisan lurus yang sempurna¹.

Fasa Gerhana bermula apabila bulan mula masuk bayang gelap bumi (Umbra) pada jam 7.50 malam. Kemudian, gerhana bulan penuh mula kelihatan jam 8.22 malam dan kemuncaknya pada jam 8.53 malam. Gerhana Bulan Penuh telah tamat jam 11.10 malam.

Majlis cerapan yang bermula seawal jam 6.00 petang itu dimanfaatkan dengan pelbagai aktiviti seperti pameran falak, kuliah maghrib khas yang disampaikan oleh Ketua Bahagian Falak Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (Ustaz Muhammad Haniff bin Baderun), solat sunat khusuf dan khutbah gerhana oleh Sahibul Fadzilah Timbalan Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang (Tuan Haji Aminudin bin Mohamad). Seramai 2,000 muslimin dan muslimat telah menyertai majlis cerapan ini.



Peserta Bengkel Pembangunan Modul Pengajian Sijil Asas Falak



Sesi Perbincangan Dan Perkongsian Pendapat Di Antara Ahli Bengkel



Sesi Pembentangan Di Antara Ahli Bengkel

BENKEL PEMBANGUNAN MODUL SIJIL ASAS FALAK EDISI PULAU PINANG 2018

Pada 27 dan 28 Februari 2018 bersamaan 11 dan 12 Jamadilakhir 1439H (Selasa dan Rabu) yang lalu, telah berlangsung dengan jayanya Bengkel Pembangunan Modul Pengajian Sijil Asas Falak Edisi Pulau Pinang di Hotel Sunway, Pusat Bandar Seberang Jaya. Objektif utama bengkel ini bagi mengembangkan ilmu falak kepada masyarakat secara sistematik dan menilai serta mengukur tahap kefahaman dan keberkesanan dalam pengajian falak.

Selain itu juga bengkel ini bertujuan memandu proses pengajaran dan pembelajaran ilmu falak agar mencapai objektif yang digariskan.

Bengkel ini disertai oleh Panel Penggubal yang telah dilantik iaitu Dr. Saiful Anwar bin Nawawi (Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya/Panel Pakar Falak JAKIM), Ustaz Faizal bin Jani (Jabatan Mufti Perak), dan Ustaz Anuar bin Ariffin (JHEAIPP). Masing-masing telah

dipertanggungjawabkan merangka modul berkaitan Hilal/Takwim, Gerhana Bulan/Matahari, dan Arah Kiblat. Panel-panel lain yang turut terlibat menambah baik modul adalah Dr. Shahir Akram (ISDEV USM), Dr. Shukri bin Hanapi (ISDEV USM), Puan Halimah binti Khalil (KMPP), Ustaz Khairi bin Nawawi (JHEAIPP), Ustaz Rahman bin Jabit (Madrasah Manabi'ul Ulum), Ustaz Hafiz bin Ismail (Maahad Mashoor Islami), dan Encik Nor Azam bin Mat Noor (Bekas Penyelidik Sains Atmosfera, Univerisiti Sains Malaysia).

Bengkel ini dikendalikan sepenuhnya oleh Tuan Hj. Aminudin bin Mohamad (Timbalan Mufti Negeri Pulau Pinang) dan Majlis Penutup Bengkel disempurnakan oleh Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor (Mufti Kerajaan Negeri). Modul yang dibangunkan ini dijadual akan dilaksanakan pada pertengahan tahun ini menerusi Siri Pengajian Sijil Asas Falak yang merangkumi topik Pengenalan Ilmu Falak, Hilal/Takwim, Waktu-waktu Solat, Gerhana Bulan/Matahari, dan Arah Kiblat.



Penerangan berkaitan cerapan matahari oleh Ustaz Anuar bin Ariffin



Penceramah jemputan YBhg. Haji Hanafiah bin Abdul Razak



Peserta Program Tafaqquh Perdana Ilmu Falak

PROGRAM TAFALUQH PERDANA ILMU FALAK

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang menganjurkan Program Tafaqquh Perdana Ilmu Falak yang diadakan di Hotel Ixora, Perai, Pulau Pinang pada hari Isnin 20 November 2017 bersamaan dengan 1 Rabi'ulawal 1439H. Melibatkan sasaran Guru-Guru Takmir di seluruh Pulau Pinang. Hadir di program tersebut ialah Y.Bhg. Ustaz Haji Hanafiah bin Abdul Razak dari Jabatan Mufti Negeri Johor dan Ustaz

Anuar bin Ariffin dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam (JHEAIPP).

Bagi tahun 2018, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang bersama Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) USM telah berjaya melaksanakan Program Tafaqquh Falak Siri 1/2018 di Dewan Persidangan USM, Pulau Pinang pada 11 April 2018. Program kali ini bertemakan "Falak dan Kehidupan" disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Y.Bhg. Ustaz Mohammad Faizal bin Jani, Ketua Bahagian Falak Jabatan Mufti Negeri Perak.



Peserta Program Tafaqquh Ilmu Falak



Ustaz Mohammad Faizal bin Jani memberi penerangan berkaitan "Falak & Kehidupan"



PENENTUAN DAN PENGESAHAN ARAH KIBLAT

BIL	TARIKH	NAMA MASJID/SURAU/PREMIS
1	17/1/2018	LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA PULAU PINANG
2	24/1/2018	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA (IADA) PULAU PINANG
3	25/1/2018	SURAU TESCO TANJUNG PINANG.
4	29/1/2018	JABIL CIRCUIT SDN. PLOT 88B, LINTANG BAYAN LEPAS 9.
5	29/1/2018	BANGUNAN TAMBAHAN MASJID KG. RAWA.
6	7/2/2018	SEKOLAH KEBANGSAAN PERMATANG SINTOK
7	7/2/2018	PETRONAS BKE2 SEBARANG JAYA.
8	8/2/2018	SURAU FLAT MEDAN TENGGU, JELUTONG.
9	8/2/2018	SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN IMPIAN, ALMA.
10	13/2/2018	KOMUNAJAYA SDN. BHD, BUTTERWORTH.
11	13/2/2018	SURAU TAMAN LEMBAH PERMAL, BUKIT MERTAJAM.

BIL	TARIKH	NAMA MASJID/SURAU/PREMIS
12	14/2/2018	SURAU JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ), SEBERANG JAYA.
13	14/2/2018	SURAU SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PENANTI, BUKIT MERTAJAM
14	26/2/2018	SEKOLAH KEBANGSAAN SRI TANJONG, JALAN HUTTON
15	26/2/2018	RESCAM PULAU PINANG
16	13/3/2018	SEKOLAH KEBANGSAAN ALMA JAYA
17	15/3/2018	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TASEK, TAMAN PUTERI GUNUNG, SPS.
18	21/3/2018	TAPAK SURAU TAMAN SUNGAI TIRAM, PULAU PINANG
19	22/3/2018	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN POKOK SENA, KEPALA BATAS
20	23/3/2018	SEKOLAH MENENGAH SAINS KEPALA BATAS
21	27/3/2018	SURAU JETI NELAYAN, KAMPUNG CHANGKAT, NIBONG TEBAL
22	28/3/2018	MARKAS 2 DIV, KEM TUN RAZAK, PULAU PINANG

BIL	TARIKH	NAMA MASJID/SURAU/PREMIS
23	30/3/2018	DI INARI TECHNOLOGY, BAYAN LEPAS
24	30/3/2018	SURAU APARTMENT BAYU TIARA, BAYAN LEPAS
25	18/4/2018	TAPAK SURAU HENTIAN R&R JAMBATAN SULTAN ABDUL HALIM MUADZAM SHAH, BATU KAWAN
26	19/4/2018	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI BATU, TELUK KUMBAR
27	19/4/2018	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BAYAN LEPAS
28	24/4/2018	HOTEL ARECA, GEORGETOWN
29	24/4/2018	SURAU AN-NUR TELAGA RENDAH, JELUTONG
30	25/4/2018	KILANG ALPHA INDUSTRIES, PERAI
31	26/4/2018	SURAU DEWAN MBPP BUKIT BELAH, TELUK KUMBAR
32	8/5/2018	WANGS HOTEL, PERSIARAN GURNEY
33	8/5/2018	SURAU PANGSAPURI MESRA, GEORGETOWN
34	22/5/2018	ECO MEADOWS, PENANG

Solat Jumaat *tidak sah*: Mufti


MOHAMAD FAKHRI MOHD ALI

GEORGETOWN - Status solat Jumaat di Masjid Jamek Kampung Rawa, di sini, pada 11 Ogos lalu diputuskan sebagai tidak sah kerana tidak memenuhi rukun khutbah mengikut Qaul Muktamad Mazhab Al-Syafie.

Mufti Pulau Pinang, Datuk Dr Wan Salim Wan Mohd Noor berkata, keputusan itu dibuat selepas mendapati khutbah yang disampaikan oleh khatib jempunan di masjid itu tidak berselawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W, tidak menyebut bertakwa kepada ALLAH dan tidak membaca doa untuk umat Islam.

"Pihak Masjid Jamek Kampung Rawa telah memohon pandangan saya mengenai perkara tersebut dalam surat bertarikh 17 Ogos 2017 menerusi pegawai tadbir agama daerah Timur Laut.

"Rakaman video juga telah diperlihatkan dan diperdengarkan kepada pegawai tadbir agama daerah berkenaan dan penolongnya.



Notis pemakluman yang dipamerkan di papan kenyataan masjid.

Perlu diperjelaskan bahawa fokus diberikan kepada khutbah yang disampaikan, bukan kepada khatib terbabit," katanya, semalam.

Menurutnya, keputusan itu dibuat mengikut Qaul Muktamad Mazhab Al-Syafie seperti mana yang dikehendaki oleh Enakmen

Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

Terdahulu, Wan Salim dalam satu surat rasmi kepada pihak masjid berkenaan bertarikh 17 September menjelaskan bahawa solat Jumaat di Masjid Jamek Kampung Rawa pada 11 Ogos lalu adalah tidak sah meng-

INFO
● Tidak memenuhi rukun khutbah mengikut Qaul Muktamad Mazhab Al-Syafie

ikut hukum syarak.

Menurut Qaul Muktamad Mazhab Al-Syafie tiga rukun iaitu memuji ALLAH, selawat ke atas Nabi dan pesan takwa hendaklah dibaca pada kedua-dua khutbah Jumaat, selain dua rukun lagi iaitu membaca satu ayat daripada al-Quran pada salah satu daripada dua khutbah dan berdoa untuk orang mukmin.

Sehubungan itu, pihak Masjid Jamek Kampung Rawa perlu mengisytiharkan kepada seluruh jemaah yang telah melaksanakan solat Jumaat pada tarikh berkenaan supaya melaksanakan solat qadha far-

du Zohor.

Sementara itu, tinjauan di masjid berkenaan mendapati satu notis pemakluman mengenai perkara itu telah dipamerkan di papan kenyataan masjid berkenaan.



WAN SALIM

Surat yang ditandatangani Pengerusi Qaryah Masjid Jamek Kampung Rawa, Ahmad Azhari Hamzah memaklumkan bahawa khutbah yang disampaikan oleh khatib jempunan iaitu Zamri Vinod pada 11 Ogos lalu di masjid berkenaan adalah tidak memenuhi rukun khutbah mengikut Qaul Muktamad Mazhab Al-Syafie.

"Maka dengan ini, saya mengisytiharkan bahawa seluruh para jemaah yang melaksanakan solat Jumaat pada tarikh berkenaan supaya melaksanakan solat qadha far-du Zohor dengan seberapa segera," katanya.

SOALAN :

Hukum Menggerakkan Tabung Kutipan Derma/Sumbangan Ketika Khutbah Jumaat.

JAWAPAN :

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 6/2017 pada 18 dan 19 Disember 2017 yang lalu telah membincangkan berkaitan Hukum Menggerakkan Tabung Kutipan Derma/Sumbangan Ketika Khutbah Jumaat. Mesyuarat berkenaan telah memutuskan seperti berikut:

1. Hukum menggerakkan tabung kutipan derma atau sumbangan ketika khutbah Jumaat adalah makruh.
2. Mesyuarat menasihatkan agar kaedah kutipan derma atau sumbangan adalah seperti berikut:
 - a) Menggerakkan tabung kutipan sebelum khutbah Jumaat atau selepas solat Jumaat.
 - b) Memperbanyakkan dan meletakkan tabung kutipan derma atau sumbangan di setiap lorong saf.
 - c) Memperbanyakkan dan meletakkan tabung kutipan derma atau sumbangan di tepi laluan serta pintu keluar masuk masjid serta di tempat-tempat yang sesuai.

SOALAN :

1. Apakah pandangan terhadap amalan Lotus Birth (amalan tidak potong tali pusat bayi, membiarkan tali pusat putus sendiri)? Bagaimanakah pengurusan tali pusat bayi baru lahir mengikut Islam?

JAWAPAN :

1. Lotus birth adalah proses melahirkan dengan membiarkan plasenta tetap terhubung dengan tali pusat (tidak dipotong) selama beberapa hari. Tali plasenta tidak dipotong langsung beberapa saat setelah melahirkan, tetapi dibiarkan mengering dan putus sendiri. Amalan Lotus Birth ini hendaklah dirujuk kepada pakar perubatan berkenaan sama ada ia mendatangkan kebaikan atau keburukkan kepada bayi berkenaan. Dari sudut pandangan Islam, berdasarkan kaedah الأصل في الأشياء الإباحة "Asal sesuatu iaitu adalah harus" jika membawa kebaikan. Walau bagaimanapun jika mendatangkan mudharat kepada bayi maka ianya dilarang, berdasarkan kaedah: لا ضرر ولا ضرار "Tidak boleh mendatangkan mudharat pada diri dan juga pada yang lain."
2. Tali pusat dikira sebagai organ yang telah mati dan hukumnya najis. Ia sama hukumnya seperti kaki yang terputus dari tubuh badan. Cara menguruskannya ialah sebaik-baiknya ditanam. Ini kerana setiap yang terpisah daripada tubuh manusia perlu dihormati.

Wallahu A'lam.

KELAB KEBAJIKAN DAN SUKAN JMNPP

SENARAI AHLI JAWATANKUASA KELAB BAGI SESI 2017/2019

PENGERUSI / YANG DIPERTUA KELAB
MUHAMMAD HANIFF BIN BADERUN

TIMBALAN YANG DIPERTUA KELAB
NORFAZILAH BINTI MOHD LIDI

SETIAUSAHA
SITI NADIAH BINTI MOHAMAD SHUKRI

BENDAHARI
FAIRUS AIN BINTI ABDUL AZIZ

KETUA BIRO DAKWAH
MOHD RIZUAN BIN IDRUS/ALIAS BIN AHMAD

KETUA BIRO KEBAJIKAN
MOHD ZULHELMI BIN MOHD YUSOF

KETUA BIRO SUKAN
NOR AMRI BIN MOHD NOOR

KETUA BIRO EKONOMI
AHMAD YUSOF FARID BIN ABDULLAH

Taklimat Program
AKRAB yang
disampaikan oleh
Tuan Haji Abdul
Hamid bin Tahir
pada 3/11/2017



Liqa' Mahabbah
Jabatan Mufti Zon
Utara & Zon Timur
pada 9-11/12/2017

Majlis Rumah
Terbuka
Aidilfitri JMNPP
pada 4/7/2018



Mesyuarat Agung
Kelab Kebajikan
Dan Sukan JMNPP
Bil.1/2018 pada
26/1/2018

Sekalung Tahniah



اهلا وسهلا

AHLI BARU JMNP

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang mengalu-alukan kedatangan Ustaz Fakhurrrazi bin Md. Mahdzir, Pegawai Hal Ehwal Islam (S44) sebagai Penolong Mufti Kanan (Rujukan Maklumat) di Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang pada 15 Mac 2018. Semoga dengan kehadiran beliau di Jabatan ini akan terus memperlengkapi dan memperkasakan organisasi ini dalam mencapai visi dan misinya. اهلا وسهلا dan tahniah diucapkan.



PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2017

Sekalung tahniah diucapkan kepada dua (2) orang staf Bahagian Falak dan Bahagian Rujukan Maklumat yang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2017 dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang di The Wembley, A St. Giles Hotel, Pulau Pinang pada 24 April 2018 disampaikan oleh Dato' Seri Farizan bin Darus; Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

- Nama : Mohd Zulhelmi bin Mohd Yusof
 Jawatan : Pegawai Sains (C41)
 Bahagian : Falak
- Nama : Puan Fairus Ain binti Abdul Aziz
 Jawatan : Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam (S29)
 Bahagian : Rujukan Maklumat.

PENGANTIN BARU

Selamat Pengantin Baru diucapkan kepada Ustaz Mohammad Aliff bin Hashim dan pasangannya yang telah melansungkan perkahwinan pada 24 Disember 2017 yang lalu.



بَارِكْ اللهُ لَكَ وَبَارِكْ عَلَيْكَ وَجَمِّعْ بَيْنَكُمَا فِي خَيْرٍ

"Semoga Allah memberi berkah kepadamu dan atasmu serta mengumpulkan kamu berdua di dalam kebaikan."



CAHAYA MATA






Tahniah di atas kelahiran cahaya mata baharu kepada Ustaz Muhammad Haniff bin Baderun & Ustaz Mohd Rizuan bin Idrus.

بَارِكْ اللهُ لَكَ فِي الْمَوْهُوبِ لَكَ، وَشَكَرْتَ الْوَاهِبَ، وَبَلَغَ أَشُدَّهُ، وَرَزَقْنَا بِرَّهُ

"Semoga Allah memberkati bagimu pada kelahiran bayi yang dianugerahkan kepadamu. Lalu engkau bersyukur kepada Allah yang menganugerahkan kepadamu. Semoga apabila anak itu dewasa, kamu akan dikurniakan kebaikan daripadanya."

- Nama Bayi : Ahmad Najmi bin Mohd Rizuan
 Tarikh Lahir : 4 Februari 2017
 Nama Ayah : Ustaz Mohd Rizuan bin Idrus
- Nama Bayi : Muhammad Haliff bin Muhammad Haniff
 Tarikh Lahir : 20 Julai 2017
 Nama Ayah : Ustaz Muhammad Haniff bin Baderun

BUKU-BUKU TERBITAN



MEDIA SOSIAL



Aplikasi Android



Hubungi Kami

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, Tingkat 48, Komtar.
10000 Pulau Pinang, Malaysia.
Tel : 604-263 2975 | Faks : 604-263 2985

PERKHIDMATAN ATAS TALIAN (ONLINE)



Portal JMNPP
<http://mufti.penang.gov.my>



Sistem e-Fatwa
<http://efatwa.penang.gov.my>



Sistem e-Kemusykilan
<http://ekemusykilan.penang.gov.my>